



# SIARAN MEDIA

## EMBARGO sehingga 3 Ogos 2018, 5:00 pm

### PKS mencatat pertumbuhan KDNK benar sebanyak 7.2% pada tahun 2017

**Kuala Lumpur, 3 Ogos 2018** – PKS telah menyumbang RM435.1 bilion pada tahun 2017, dengan merekodkan pertumbuhan KDNK benar sebanyak 7.2% (2016: 5.2%). Hasilnya, sumbangan PKS terhadap KDNK meningkat kepada 37.1% daripada 36.6% pada tahun 2016. Pertumbuhan KDNK PKS yang lebih tinggi dicatat dalam semua sektor ekonomi utama, terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Melangkah ke hadapan, PKS dijangka memainkan peranan yang lebih besar, bukan hanya sebagai pendorong tetapi sebagai pemacu utama pertumbuhan. Dalam tempoh 14 tahun yang lalu (2004 - 2017), pertumbuhan KDNK PKS benar secara konsisten telah mengatasi ekonomi keseluruhan dengan purata pada 6.6% setahun berbanding pertumbuhan KDNK keseluruhan sebanyak 5.1%.

Dari segi eksport, eksport PKS telah merekodkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 7.9% pada tahun 2017 berbanding 7.0% pada tahun 2016, disebabkan oleh eksport komoditi yang tinggi, seperti kelapa sawit dan getah serta produk pembuatan, khususnya elektrik dan elektronik. Pada masa yang sama, eksport oleh syarikat besar mencatatkan pertumbuhan dua-digit sebanyak 17.9%, dipacu oleh eksport produk elektrik dan elektronik, gas asli cecair dan minyak mentah yang tinggi. Hasilnya, sumbangan eksport PKS kepada eksport keseluruhan menurun kepada 17.3% (2016: 18.6%). Dari segi nilai, eksport PKS mencatatkan peningkatan sebanyak RM12.3 bilion, menjadi RM167.4 bilion pada tahun 2017 berbanding RM155.1 bilion pada tahun 2016. Pada masa yang sama, guna tenaga PKS terus meningkat, menghasilkan kenaikan sumbangan guna tenaga PKS kepada guna tenaga keseluruhan meningkat kepada 66.0% pada tahun 2017 (2016: 65.3%). Prestasi yang menggalakkan ini disebabkan oleh pendekatan yang berstruktur dan terselaraskan dalam pembangunan PKS serta kejayaan dalam melaksanakan inisiatif di bawah

Pelan Induk PKS. Menjelang tahun 2020, Pelan tersebut mensasarkan sumbangan PKS kepada KDNK mencecah 41%, eksport negara 23% dan guna tenaga 65%.

SME Corp. Malaysia memainkan peranan yang penting dalam pembangunan usahawan dan PKS di Malaysia selaras dengan peranannya sebagai Agensi Penyelaras Pusat untuk PKS. Pada tahun 2017, terdapat 168 program pembangunan PKS yang telah dirancang dengan peruntukan dana sebanyak RM10.4 bilion. Dalam konteks agensi penyelaras pusat ini juga, SME Corp. Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan membangunkan sistem maklumat dalam talian yang mengandungi maklumat penerima bantuan yang boleh diakses oleh semua Kementerian dan agensi melalui SME Central Incentives System (SCenIc). Sebagai pangkalan data pusat bagi penerima bantuan Kerajaan, SCenIc menjadi rujukan penting untuk membuat keputusan, mengelakkan pertindihan dan mengoptimumkan sumber.

Hasil penemuan Kaji Selidik PKS Suku Ketiga Tahun 2017 yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia menunjukkan bahawa PKS terus mengalami peningkatan kos menjalankan perniagaan dengan lebih dari dua-pertiga (69%) daripada 1,469 responden mengalami purata peningkatan tahunan sebanyak 20% dalam kos operasi. Peningkatan kos ini adalah disebabkan harga bahan mentah dan kos input lain yang tinggi, bil utiliti, kos minyak dan gas untuk pengangkutan yang tinggi serta upah dan gaji.

Seterusnya, SME Corp. Malaysia merancang untuk melaksanakan pelan jangka panjang yang baharu untuk memacu keusahawanan dan pembangunan PKS selepas tahun 2020. Pelan Induk PKS 2.0 yang dicadangkan itu akan melakarkan strategi keusahawanan dan pembangunan PKS bagi kemampuan dan daya saing perniagaan untuk membolehkan mereka bersaing dalam pasaran berteknologi tinggi dan globalisasi ini.

Bagi mencapai matlamat ini, Pelan Induk tersebut perlu mengambil kira perubahan demografik, ekonomi dan landskap perniagaan serta mengenal pasti peluang dan cabaran baharu yang perlu ditangani oleh PKS di Malaysia. Pelan Induk ini antara lain akan menyelaras PKS bagi meraih faedah daripada Megatrends, seperti Revolusi Perindustrian Keempat dan digitalisasi serta meneroka model perniagaan baharu yang wujud berikutan teknologi kewangan baharu, perniagaan inklusif, ekonomi 'gig' dan ekonomi pusingan.

Bagi memastikan PKS mendapat maklumat dengan mudah, "Hab PKS" telah ditubuhkan dengan objektif untuk memperlengkapkan PKS dengan maklumat dan pengetahuan yang berkaitan bagi menyokong pembangunan PKS. PKS bukan sahaja boleh mengakses maklumat mengenai insentif dan program pembangunan PKS atas talian and luar talian melalui SMEhub App, Hab PKS Bergerak, pusat fizikal Hab PKS, Laman Web Rasmi SME Corp. Malaysia

(<https://smecorp.gov.my>) dan Media Sosial tetapi juga boleh mendapatkan Sokongan Khidmat Perniagaan daripada “Hab PKS”. Di samping itu, “SME Info Portal” menyediakan maklumat mengenai program dan aktiviti serta latihan yang dianjurkan oleh pelbagai kementerian dan agensi (<https://smeinfo.com.my/>).

Selain daripada YB Tuan Darell Leiking, di antara yang hadir semasa Sidang Media tersebut ialah YB Dr. Ong Kian Ming, Timbalan Menteri MITI; YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MITI dan YBhg. Datuk (Dr.) Hafsah Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia.

- Tamat –

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Nor Azian Md Yusof di talian 03-2775 6174 ([azian@smecorp.gov.my](mailto:azian@smecorp.gov.my)) atau Amy Sarah Ahmad Fuad di talian 03-2775 6352 ([amysarah@smecorp.gov.my](mailto:amysarah@smecorp.gov.my)).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral

Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>

e-mail: [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

### **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.